



Jabatan Muzium
Malaysia



Kementerian Pelancongan,
Seni dan Budaya Malaysia



Muzium Negara



UNIVERSITI
MALAYA



Jabatan Sejarah
Universiti Malaysia

Khas BICARA

DI SEBALIK 31 OGOS 1957:

KEMERDEKAAN DAN KENEGARAAN MALAYSIA

MALAYSIA TELAH MERDEKA 31.8



A portrait of a woman wearing a grey hijab and a light green patterned blouse. She is smiling and has a name tag that says 'SARAYA' on her left chest. The background is white.

Setulus

BICARA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Program Bicara Khas Kemerdekaan “Di Sebalik 31 Ogos 1957: Kemerdekaan dan Kenegaraan” dapat dijayakan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia dan warga kerjanya di atas kejayaan penganjuran Program Bicara Khas Kemerdekaan secara atas talian ini, bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-64 negara pada tahun ini. Penganjuran program ini sangat bermakna dan bermanfaat kerana kita dapat memperingati dan menyelami usaha, kerja keras dan pengorbanan tokoh-tokoh pejuang pembebasan dan kemerdekaan tanah air kita, serta menghayati dan menghargai erti dan nilai sebuah kemerdekaan yang kita miliki hari ini.

Pada tahun ini, kita masih mengekalkan tema “Malaysia Prihatin” seperti tahun lalu sebagai tema Hari Kebangsaan 2021. Tema ini bertepatan dengan aspirasi, inisiatif dan keperihatinan kerajaan dalam mendepani cabaran pandemik Covid-19 demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia. Semangat “Malaysia Prihatin” ini jua dizahirkan kepada petugas di barisan hadapan serta seluruh rakyat Malaysia atas khidmat bakti dan kesungguhan dalam mematuhi SOP demi mengekang penularan wabak Covid-19 di negara kita.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan yang ke-64 kepada semua. Bersama-samalah kita menyemat semangat patriotisme dalam diri kita, menyemai perasaan cinta terhadap tanah tumpah darah kita dan senantiasa mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara yang kita sayangi.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YBrs. CIK SARAYA BINTI ARBI

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia





Sekapur

SIRIH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurnia-Nya kita berpeluang berkumpul pada hari ini secara maya untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Program Bicara Khas sempena sambutan Hari Kemerdekaan bagi tahun 2021.

Tema Bicara Khas Kemerdekaan iaitu “Di Sebalik 31 Ogos 1957: Kemerdekaan dan Kenegaraan” sangat bertepatan dalam membantu kerajaan bagi memupuk rakyat Malaysia yang berjiwa merdeka dengan cara mendirgahayakan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan. Oleh yang demikian, pentas Bicara Tokoh yang telahpun diadakan pada setiap hari Selasa di sepanjang bulan Ogos dan Bicara Khas ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat yang mana ahli akademik dan tokoh ilmunan terpilih membicarakan tentang tokoh-tokoh dan rentetan sejarah perjuangan ke arah kemerdekaan.

Institusi muzium merupakan institusi pendidikan tidak formal yang memainkan peranan penting sebagai agen perubahan dan pemangkin kepada kemenjadian generasi baharu dalam menghayati dan menghargai sejarah, budaya dan warisan negara pada masa hadapan. Melalui pengkongsian pintar di antara institusi muzium dan institusi pendidikan formal dalam program Bicara Tokoh dan Bicara Khas Kemerdekaan, adalah menjadi harapan agar kerjasama ini akan kekal dan dipertingkatkan lagi dalam pelbagai bentuk program yang dirancang.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YBrs. Cik Saraya Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, kepada seluruh warga muzium dan individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Bicara Khas Kemerdekaan ini. Semoga usaha kita mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Yang ke-64. Merdeka! Merdeka! Merdeka!

DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM

Ketua Pengarah

Jabatan Muzium Malaysia





Seikhlas

KATA

Salam Sejahtera

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia kerana memilih Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya selaku penganjur bersama Bicara Tokoh Sempena Kemerdekaan 2021 dan Bicara Khas Di Sebalik 31 Ogos 1957: Kemerdekaan dan Kenegaraan Malaysia. Penglibatan Jabatan Sejarah dalam penganjuran program ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan terhadap pakar bidang yang ada di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Fakulti Sastera dan Sains Sosial sentiasa bersedia memberi sokongan untuk berkongsi pengetahuan dan memberikan pencerahan berkaitan sejarah negara Malaysia bagi tujuan memperkasakan perpaduan nasional dan pembinaan jati diri selari dengan tuntutan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan penyelidikan dan penulisan, saya yakin dan percaya semua kakitangan akademik Jabatan Sejarah Universiti Malaya yang dipilih sebagai Pembicara Tokoh akan berupaya memberi perbincangan yang menarik atau mengetengahkan dapatan baharu yang ada hubung kait dengan perjuangan kemerdekaan negara Malaysia. Para peserta, khasnya para guru pakar, mahasiswa dan calon pascasiswazah yang berdaftar untuk mengikut program Bicara Tokoh ini secara maya bolehlah menggunakan peluang ini untuk mengajukan pertanyaan atau memberi maklum balas terhadap tokoh-tokoh yang dibincangkan.

Dalam konteks PKP dan Bekerja Dari Rumah, bukanlah satu perkara yang mudah untuk melakukan penganjuran program akademik secara maya untuk orang ramai yang meminati sejarah Malaysia. Oleh itu, saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Muzium Negara dan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya kerana berjaya menganjurkan satu program yang memberi manfaat kepada orang ramai. Diharapkan program yang telah dirancang ini dilaksanakan dengan baik, teratur dan mencapai matlamat penganjuran.

Terima kasih.

DATUK PROFESOR DR. DANNY WONG TZE KEN

Dekan

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya



DI SEBALIK 31 OGOS 1957: KEMERDEKAAN DAN KENEGARAAN MALAYSIA

LIVE



Muzium Negara RASMI

31 OGOS 2021 • 10.30 PAGI – 12.30 TENGAH HARI

Pautan Pendaftaran

https://zoom.us/webinar/register/WN_jC_K-aHsS5qQ56xjNmyBxQ

10.30 Pagi	Pendaftaran dan Taklimat Program
10.45 Pagi	Ucapan Aluan Oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim <i>Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia</i>
10.50 Pagi	Ucapan Perasmian Oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi <i>Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia</i>
11.00 - 12.15 Pagi	Moderator Profesor Madya Dr. Zulkanain bin Abdul Rahman <i>Universiti Malaya</i> Pembentang 1 Dr. Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus <i>Universiti Malaya</i> Pembentang 2 Profesor Madya Dr. Mohd bin Samsuddin <i>Universiti Kebangsaan Malaysia</i> Topik DI SEBALIK 31 OGOS 1957: KEMERDEKAAN DAN KENEGARAAN MALAYSIA
12.15 - 12.30 Tgh Hari	Sesi Soal Jawab Bersurai

Biodata

PANEL 1



**DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN
BIN MOHD RUS**

Dr. Ahmad Kamal Ariffin bin Mohd Rus, bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya sejak tahun 1995. Kini berusia 56 tahun. Sebagai ahli akademik, beliau telah menghasilkan lebih 80 penulisan yang diterbitkan sama ada dalam bentuk buku mahupun makalah dalam jurnal. Beliau juga telah menyelia dan melahirkan lebih 40 calon PhD dan Sarjana dalam bidang Sejarah. Atas kepakarannya dalam bidang Sejarah Malaysia, beliau sering dilantik sebagai pakar perunding dan perujuk oleh pelbagai institusi serta kerajaan negeri. Di usia mudanya, beliau juga aktif dalam bidang sukan. Pernah mewakili negeri Selangor dan Kedah dalam Kejohanan Sukan Orang Kurang Upaya di peringkat kebangsaan. Pada tahun 1994, beliau mewakili negara dalam Sukan Goalball di Pacific Game, Beijing, China. Dr. Ahmad Kamal Ariffin juga telah menerima banyak anugerah dan antaranya ialah Best Blind Academic Achievement Award 2008, Malaysian Association for the Blind dan pada tahun 2016 beliau dianugerahkan Darjah Kebesaran Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati oleh DYMM Sultan Kedah. Sehingga kini, Dr. Ahmad Kamal Ariffin masih lagi kekal sebagai Ahli Majlis Malaysian Association for the Blind (MAB).



Biodata

PANEL 2

Profesor Madya Dr. Mohd bin Samsudin dilahirkan di Batu Gajah, Perak. Ketika ini bertugas sebagai Pengarah Pusat Kebudayaan UKM. Pernah memegang beberapa jawatan sebelum ini antaranya Pengarah Muzium Akademik UKM dan Ketua Program Sejarah. Beliau berpengalaman lebih 30 tahun sebagai Pensyarah di Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM. Bidang kepakaran beliau ialah Sejarah Malaysia, Sejarah Diplomatik, Warisan dan Pemuliharaan. Berkelulusan B.A (Hons), Master dan PhD dalam bidang Sejarah. Profesor Madya Dr. Mohd menganggotai pelbagai jawatankuasa antaranya Ahli Lembaga Pengarah Arkib Negara Malaysia, Ahli Lembaga Penasihat Lembaga Muzium Negeri Sembilan dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Persatuan Sejarah Malaysia. Beliau terlibat memberikan kepakaran di pelbagai organisasi antaranya Bahagian Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Penjara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Pusat Kusta Negara, Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

Beliau dilantik sebagai pemeriksa tesis PhD dan Sarjana oleh Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Islam Malaysia, UiTM, Universiti Malaysia Kelantan dan Kolej Universiti Islam Melaka. Juga dilantik sebagai penilai dan pewasit bagi artikel ilmiah dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah. Beliau pernah dilantik sebagai penilai manuskrip penerbitan buku dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Malaya, dan lain-lain penerbit universiti. Kepakaran beliau dirujuk oleh pelbagai institusi penyiaran dan perfileman seperti RTM, Astro Awani, Bernama, Al-Hijrah, TV3, Munhwa Broadcasting Corporation South Korea dan History Channel. Juga dirujuk oleh media akhbar seperti the STAR, Utusan Malaysia, Berita Harian dan lain-lain. Sehingga hari ini sudah menerbitkan lebih 100 penerbitan dalam bentuk buku, bab dalam buku, jurnal, kertas seminar dan persidangan. Penerbitan terbaru ialah Pemerkaasaan Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (2020), Tun Perak Dalam Pemerintahan dan Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka (2019), Persekutuan Malaysia 1961-1966 (2016) dan History and Culture in the Malay World (2015). Selain itu, 2 buah buku beliau menerima Anugerah Penerbitan Buku Malaysia.



**PROFESOR MADYA
DR. MOHD BIN
SAMSUDDIN**



Biodata

MODERATOR



**PROFESOR MADYA
DR. ZULKANAIN
BIN ABDUL RAHMAN**

Dr. Zulkanain bin Abdul Rahman bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Berasal dari Kampung Ulu Sungai Buloh, Simpang Ampat, Alor Gajah, Melaka. Mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda (Sejarah Malaysia) dari Universiti Malaya; Ijazah Sarjana (Sejarah Rusia) dari Universiti Leeds, United Kingdom; dan Ijazah Doktor Falsafah (Sejarah Eropah Moden) dari Universiti East Anglia, Norwich, United Kingdom. Beliau mengkhusus dalam bidang sejarah Eropah Moden dan politik antarabangsa dan terlibat secara aktif dalam melakukan penyelidikan multidisiplin yang berkaitan sejarah Malaysia serta demokrasi dan pilihan raya di Malaysia. Pada tahun 2011, kerajaan negeri Melaka menganugerahkan beliau Bintang Cemerlang Melaka (BCM) dan kemudiannya Darjah Seri Melaka (DSM) pada Oktober 2015. Beliau juga pernah dilantik sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan), Fakulti Sastera dan Sains Sosial dari September 2012 hingga September 2017 sebelum mengambil cuti sabbatical. Beliau dilantik semula sebagai Ketua Jabatan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaysia mulai September 2018; dan juga Ketua Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya, Universiti Malaya (UMCEDEL).



Sekalung Penghargaan

Muzium Negara dan Jabatan Muzium Malaysia
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih
kepada

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya

**Pusat Kebudayaan Universiti,
Universiti Kebangsaan Malaysia**

dan

setiap individu yang telah terlibat secara langsung atau tidak
langsung dalam menyumbangkan idea serta sokongan bagi
menjayakan program ini.

